

Catatan Kuliah Maghrib - 11/02/2007 oleh Ustaz Ghazali Akhbar

- Apabila kita mati, perkara pertama yang akan disoal dalam alam barzakh adalah bab solat. Solat itu adalah sebagai tiang agama; Barangsiapa yang mendirikan solat maka terdirilah tiang agama Islam itu tetapi barangsiapa yang tidak mendirikan solat maka hancurlah tiang agama Islam itu.
- Solat ada dalam rukun Islam, tetapi dalam rukun Islam tidak ada solat. Contohnya,
  1. bila mendirikan solat, kita mengucapkan shahadah; tetapi apabila kita disuruh mengucap kalimah shahadah kita tak perlu bersolat, tak perlu berwuduk dan tak perlu menghadap kiblat kerana kita boleh mengucap bila-bila masa dan dimana jua kita berada.
  2. kita mendirikan solat memang 5 waktu sehari (yakni subuh, zuhur, asar, maghrib dan isya') sama seperti dalam rukun Islam kedua yakni bersolat 5 waktu sehari;
  3. bila mendirikan solat, kita kena berpuasa yakni menahan diri dari makan, minum dan sebagainya, tetapi dalam rukun Islam ketiga, apabila kita berpuasa dibulan Ramadhan kita tak perlukan bersolat yakni berwuduk / menghadap kiblat;
- Solat ini sebenarnya "berat". Makna "berat" disini ialah persoalan yang perlu kita tanya pada diri kita sendiri "Adakah kita benar-benar khusyuk bila bersolat?"
- Solat yang "ringan" itu ialah apabila kita rasa "kelazatan" bersolat. Dalam diri kita sendiri ada rasa ketuhanan. Dihati kita tidak ada perasaan atau fikiran yang lain cuma merasakan / memikirkan kelazatan dan kenikmatan bersolat. Sesungguhnya solat itu boleh mencegah kemungkaran maka untuk "meringankan" solat itu, maka kenalah melahirkan rasa ketuhanan itu.
- 4 usul untuk melahirkan rasa ketuhanan itu ialah :-
  1. Mendidik fizikal - dengan menjaga pemakanan kita. Kita hendaklah memakan makanan yang bersih / berzat / halal supaya seluruh anggota badan kita sihat dan cergas untuk membuat segala ibadah terutamanya bersolat;
  2. Mendidik akal - mendidik akal ini susah sedikit dari mendidik fizikal. Kita kena "bermuzakarah" yakni berusaha mencari dan menimba ilmu. Berbagai cara untuk mencari ilmu ini dengan membaca / menghafal / bermuzakarah dan sebagainya;
  3. Mendidik nafsu - mendidik nafsu ini susah dari mendidik fizikal dan akal. Kita kena mengawal dan melawan nafsu kita sendiri dari membuat perkara-perkara keburukan / kemaksiatan. Nafsu tidak pernah mengajak untuk membuat kebaikan, nafsu sentiasa mengajak untuk membuat kejahatan dan kemungkaran. Peperangan yang besar dalam diri kita ini ialah bila kita berperang dengan nafsu jahat kita.
  4. Mendidik hati - Hati kita sebenarnya menjadi rebutan diantara syaitan dan malaikat untuk mengisinya. Jadi, untuk menjaga hati kita dari diisi oleh syaitan maka kita kena ada sifat mahmudah yakni sifat merendah diri, sifat bertawaduk, bersedekah dan mempunyai segala sifat - sifat yang membuat

perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan segala sifat - sifat kejahatan dan kemungkaran.

- Barangsiapa yang bertahajjud sepertiga malam, maka Allah akan menaikkan "darjat" orang itu. Dengan bertahajjud juga boleh mendidik hati kita supaya ada sifat mahmudah. Selain dari bertahajjud, berzikir dan bertahmid juga boleh mendidik hati dengan sifat mahmudah.
- Manusia - manusia pada zaman sekarang ini suka melengah - lengahkan dan meninggalkan sembahyang sebab nafsu dan hatinya tidak terdidik. Mereka ini tidak merasakan kelazatan bersolat serta tidak ada perasaan ketuhanan itu.
- Untuk mendidik fizikal, akal, nafsu dan hati kita, perkara akarnya ialah dengan menjaga pemakanan kita. Pastikan status makanan yang kita makan itu dari sumber-sumber yang halal dan bukan dari sumber - sumber yang haram. Kita kena juga pastikan keberkatannya yakni kandungan dan pembuat makanan itu mestilah dari sumber yang halal. Contohnya, mungkin kandungan makanan yang kita makan itu adalah dari sumber yang halal tetapi jika pembuatnya adalah berbangsa kafir seperti Cina atau India atau yang selain dari orang Islam sendiri maka sudah hilang keberkatannya.